

# UMNO tidak akan layan permintaan

UM 3 1 DEC 1999

Oleh AZNAN BAKAR dan JOHARDY IBRAHIM

**K**UALA LUMPUR 30 Dis. — UMNO tidak akan melayan sebarang permintaan dari negeri-negeri yang mahukan kerusi tertentu diperuntukkan kepada mereka, presiden parti, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan hari ini. Katanya, jika tuntutan-tuntutan seperti itu dilayan ia hanya akan memecah-belahkan parti.

“Parokialisme (sikap berfikiran sempit) kita tidak terima,” katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Persidangan Antarabangsa Keagamaan Menghadapi Alaf Baru di sini.

Perdana Menteri berkata demikian ketika diminta mengulas permintaan Wanita UMNO Sabah yang mahukan satu daripada tiga jawatan Naib Presiden supaya disandang oleh pemimpin UMNO dari negeri itu.

Ketua Pergerakan Wanita UMNO Sabah, Senator Datuk Norjan Khan Bahadar semalam berkata, ini kerana negeri itu mempunyai ahli yang ramai berbanding negeri-negeri lain.

Bagaimanapun kata Dr. Mahathir, tidak ada peruntukan seperti itu dalam parti.

Sebaliknya kata beliau, seboleh-bolehnya semua penduduk di negara ini menganggap diri mereka sebagai rakyat Malaysia.

“Kita tidak boleh kata saya orang Kedah, (maka) nak kerusi untuk Kedah dan orang Perlis nak wakil Perlis. Kita tidak ada peruntukan macam itu, ia hanya akan memecahkan UMNO kepada negeri-negeri,” katanya.

Mengenai hasrat Pemuda UMNO yang mahu mengkaji untuk meminda perlembagaannya bagi membenarkan sekurang-kurangnya seorang ahli Exco terdiri daripada yang berusia kurang dari 30 tahun, Dr. Mahathir berkata, ia boleh dilakukan asalkan orang itu mengutamakan perjuangan parti.

“Kita (UMNO) terbuka, siapa-siapa juga boleh masuk, sama ada mereka

profesional atau tidak profesional.

“Tetapi jangan masuk semata-mata nak dapat tempat atau sesuatu untuk diri sendiri. Masuk kerana percaya kepada perjuangan UMNO,” ujarnya.

Isnin lalu Pemangku Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Hishammuddin berkata, pindaan perlembagaan

itu diharapkan dapat memberi laluan kepada pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) dan profesional muda disenarai dalam ahli jawatankuasa tertinggi pergerakan.

Selama ini mereka sukar menempatkan diri mereka dalam senarai tersebut kerana ahli jawatankuasa tertinggi pergerakan itu rata-rata di-

kuasai oleh mereka yang berusia 30-an.

Sementara itu Dr. Mahathir turut memberi jaminan bahawa pemilihan UMNO yang dijadualkan pada April tahun depan akan memenuhi semua syarat yang telah ditetapkan.

“Kalau nak ada pemilihan semua syarat-syarat pemilihan perlu dipenuhi,” tegasnya.